

26/08/2001

Pak Samin dan Pusat Kajian Malaysiannya

Af Yassin

DI Universitas Sumatera Utara (USU) ada sebuah institusi kajian yang dinamakan Pusat Kajian Malaysia (PKM). Di samping PKM ada pula Pusat Kajian Amerika dan Pusat Kajian Jepun. Ketiga-tiga pusat ini memainkan peranan aktif memberi perkhidmatan maklumat sebagai memenuhi fungsinya menjadi pusat data bagi Malaysia, Amerika dan Jepun. Cuma bezanya di kalangan ketiga-tiga pusat ini ialah Pusat Kajian Amerika dan Jepun jauh lebih canggih dan lengkap berkaitan maklumat dan penerangannya berbanding PKM.

Prof Ahmad Samin Siregar (senang dipanggil Pak Samin), pensyarah kanan di Fakultas Sastera universiti berkenaan dirangkap tugas mengetuai PKM sebagai pengarah. Dalam satu pertemuan baru-baru ini, Pak Samin sambil bercerita panjang mengenai fungsi dan matlamat pusat, menyatakan rasa masyghulnya kerana keadaan serba kekurangan di PKM.

Katanya, "Sedih, saya belum bisa memberi kemudahan yang banyak seperti pusat Amerika dan Jepun. Sejak dibuka pada 1995, jumlah bahan maklumat mengenai Malaysia di pusat berkenaan tidak bertambah. Bangunan kecil di tengah beberapa bangunan fakulti yang lengkap dan besar seperti menjadi bukti bahawa PKM sedikit terabai. Malah sambutan mahasiswa juga amat kurang. Selama sejam di sana, cuma dua orang mahasiswa yang datang memanfaatkan kemudahan yang ada.

Pak Samin tidak terkejut dengan sambutan dingin mahasiswa atau tenaga akademik. Pak Samin menyedari bahan maklumat tentang Malaysia dalam bentuk majalah, surat khabar dan buku tidak banyak dipamerkan. Kalaupun ada kebanyakannya terdiri daripada bahan dalam kategori cetakan lama. Cuma bahan dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang masih baru. Namun ia terlalu sedikit berbanding perpustakaan universiti.

Selepas meneliti bahan yang ada, didapati kebanyakannya berkait dengan bahasa, sastera dan budaya. Padahal, katanya, pusat ini menyediakan maklumat bukan setakat ketiga-tiga bidang itu saja, malah semua bidang termasuk ekonomi, politik dan pendidikan di Malaysia.

Melihat prasarana yang ada PKM dirasakan perlu mengadakan rombakan total jika ia mahu berfungsi sepenuhnya. Namun perombakan membabitkan kos dan inilah isunya. Pak Samin mengakui dana ehsan sahaja belum mampu menjamin PKM akan hidup terus. Dikhuatiri pusat ini akan ditutup tanpa siapa mahu memanfaatkannya lagi.

Ironisnya, kata Pak Samin, di kala hubungan tegang antara nelayan Indonesia dengan pihak berwenang di Malaysia, tidak seorang pun mahu mengunjungi pusat untuk mencari akar dan latar permasalahan.

Dalam pada itu PKM amat terhutang budi kepada beberapa tokoh Malaysia. Antaranya mantan Ketua Pengarah DBP, Datuk Jumaat Mohd Nor yang ketika itu melawat Medan pada tahun 1991. Tokoh lain yang terbabit dalam mencadangkan penubuhan PKM ini ialah Allahyarham Keris Mas, Usman Awang, Shaari Abdullah, Ismail Dahaman dan Ayob Yamin.

Pusat ini dirasmikan oleh rektor universiti sendiri dengan kata-kata sambutan oleh Jumaat, Shaari dan konsul Malaysia di Medan. Penubuhan PKM adalah lanjutan daripada perjanjian persefahaman yang ditandatangani pada 1995, ketika berlangsungnya Kongres Bahasa Melayu Sedunia di Kuala Lumpur.

Pengisian bahan arkib dan mutakhir tentang Malaysia dalam semua bidang menjadi masalah besar lagi kritikal. Inilah yang dibimbangi Ahmad Samin. Katanya, universiti hanya menyediakan tempat dengan prasarana yang minimum. Terserah kepada pengurusan PKM bagaimana mahu mengisi pusat itu

dengan pelbagai sumber maklumat. Universiti berharap agar muncul penderma yang bermurah hati, sama ada memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan atau sumbangan dalam bentuk perkhidmatan dan pengiriman bahan dari Malaysia.

Dalam keadaan hubungan antara dua negara yang sering sahaja pasang surut pusat seumpama ini boleh memainkan peranan efektif dalam menjalin silaturrahim dan dalam menyingkirkan sebarang rasa curiga dan prejudis. Hari ini DBP sendiri perlu meluaskan pusat sumbernya di luar negara. Jika begitu, mengapa tidak menjadikan PKM sebagai pusat sumber yang dinamik bagi utara Indonesia?

Kata Pak Samin, jika pusat sumber itu berada di konsulat, pengunjung tidak akan sebebaskan jika PKM dijadikan pusat seperti itu. Sebabnya pejabat konsul mempunyai peraturan yang mungkin menyukarkan orang tempatan mengadakan penelitian atau mendapatkan bahan.

"Terus terang saja, selama ini kita tidak ada bantuan kewangan. Semuanya melalui bantuan peribadi. Pusat Kajian Amerika dibiayai sepenuhnya oleh Perkhidmatan Maklumat Amerika atau USIS sementara Pusat Kajian Jepun oleh Yayasan Jepun atau Japan Foundation," ujar Pak Samin.

Kehadiran PKM penting terutama dalam era ledakan maklumat yang global sifatnya. Ia menjadi lebih penting lagi ketika Indonesia sedang menghadapi asakan dalam hubungan antarabangnya.

Walaupun terjadi perubahan pucuk pimpinan di Jakarta, namun asakan politik antarabangsa tetap akan wujud dan mengambil masa juga meleraikannya. Demokrasi liberal yang sedang diamalkan di negara jiran itu banyak mengundang unsur negatif kepada citra Malaysia.

Ada pihak yang cuba memperlekeh keikhlasan Malaysia sebagai negara jiran yang baik. Peristiwa tunjuk perasaan di depan Konsulat di Medan beberapa ketika dulu yang dikaitkan dengan penahanan nelayan Indonesia di perairan Malaysia adalah bukti citra Malaysia yang sedikit dicemari, akibat perjalanan maklumat yang salah kaprah. Maka dalam hal ini, maklumat mengenai Malaysia amat diperlukan dan PKM mampu memainkan peranan, menjadi pusat pelengkap maklumat kepada Konsulat dalam usaha menjernihkan suasana.

Pak Samin berharap agar PKM dapat bekerjasama dengan Konsulat Malaysia. "Sebenarnya kami tidaklah rugi kalau pusat ini ditutup, cuma sayang universiti sudah memberikan prasarana dan kemudahan, hanya tinggal mengisinya saja. Kita tidak perlu wang, cuma bahan," katanya.

Usaha yang dilakukan Pak Samin secara sukarela ini bertepatan dengan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu semua duta negara di luar negeri mendekati pelajar bagi mengelakkan mereka dipengaruhi anasir yang kurang baik dari negara ini. PKM boleh berfungsi lebih jauh daripada itu. Konsulat Malaysia di Medan sepatutnya memanfaatkan pusat ini untuk mendekati ramai pelajar kita di Medan.

Kerjasama antara pusat dengan Konsulat memang wujud, tetapi kerjasama itu boleh ditingkatkan lagi. Ini gambaran yang diterima daripada beberapa pensyarah USU yang turut memberikan tenaga sukarela kepada peningkatan perkhidmatan pusat. Mereka iri melihat Pusat Kajian Amerika dan Pusat Kajian Jepun yang begitu teratur dan baik, sedangkan PKM masih lagi seperti hidup segan mati tak mahu.

Kemudahan minimum pengunjung belum sempurna, terutama yang berkait dengan keadaan membuat rujukan yang kurang selesa. Misalnya, ruang bacaan belum sepenuhnya nyaman kerana alat penyaman udaranya belum lengkap. Kipas siling masih digunakan. Rak buku belum mencukupi dan masih banyak majalah dan buku yang tidak disusun seperti lazimnya dalam sebuah perpustakaan.

Lebih menyedihkan lagi kebanyakan peralatan seperti kerusi meja masih dipinjamkan oleh Fakulti Sastera. Malah untuk menyediakan sampul surat yang berlabelkan PKM serta alat tulis lain, Pak Samin terpaksa mengorek kantung sendiri. "Hati saya begitu dekat dengan Malaysia. Saya sering ke

Kuala Lumpur atau Pulau Pinang. Saya mahu berbuat sesuatu supaya hubungan antara dua bangsa serumpun ini tidak dijejaskan oleh unsur negatif. Inilah sumbangan saya, iaitu mendirikan pusat ini," katanya.

Pak Samin berharap pihak penerbit di Malaysia, terutama yang mempunyai buku dan majalah yang tidak lagi terpakai dikirihkan ke PKM. Tapi kalau buku dan majalah baru bagus juga supaya informasi lebih terkini, ujarnya. Menurut beliau, semua bahan boleh dikirihkan melalui Konsul Malaysia kerana pihaknya sering berhubungan dengan pejabat itu.

Penerbit Malaysia yang ingin menyumbang boleh mengirih langsung ke universiti dengan alamatnya Pusat Kajian Malaysia, Universitas Sumatera Utara, Jalan Universitas 19, Kampus USU, Padang Bulan, Medan 20155, Sumatera Utara, Indonesia untuk perhatian Prof H Ahmad Samin Siregar, SS. Telefon 061 815956.

"Saya bisa membantu memberi informasi melalui e-mel [asamsir@ya-hoo.com](mailto:asamsir@ya-hoo.com). Surat khabar lama pun boleh," katanya.

Malaysia sedang menghadapi asakan negatif media asing terhadap citranya. Maka diperkirakan usaha Ahmad Samin yang bersifat sukarela ini sepatutnya dimanfaatkan perwakilan kita di Medan. Hanya yang diperlukan sikap positif dan usaha jujur daripada pihak Konsulat untuk bekerjasama dengan PKM.

Sehingga akhir minggu ini (Ahad, 26 Ogos) Pak Samin berada di Kuala Lumpur menghadiri Persidangan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) dan Penyampaian Hadiah Sastera Majlis Sastera Antarabangsa (Mastera) di samping berlangsungnya seminar sastera. Kehadiran Pak Samin dalam dua majlis bahasa dan sastera itu barangkali akan dimanfaatkannya untuk mengumpul bahan bagi mengisi PKM. Yang berminat untuk memberikan bantuan dalam bentuk bahan dan makalah dalam bidang apa saja boleh menghubunginya di Hotel Crown Princess, Jalan Ampang, bilik 1414.

(END)